

# Dunia bonsai di Muzium Alam Semula jadi

Sinar 3/4/12 MS 3.

**ROSHLAWATY RAIEH**  
roshlawaty@sinarharian.com.my

**S**ukar melihat sebuah pokok yang memiliki pelbagai bentuk dan gaya. Namun tidak bagi pokok bonsai. Bentuknya yang pelbagai seperti berbatang condong, dahannya berjuntaian dan pelbagai jenis bentuk lagi menarik perhatian ramai untuk mengenalinya lebih dekat. Bonsai atau dikenali sebagai pokok bantut di Malaysia dianggap tanaman unik berikutan memiliki karakter tersendiri, menarik dan kreatif. Berdasarkan *feng shui* masyarakat Cina, tanaman Bonsai dikatakan simbol semangat positif yang memancarkan aura kehidupan baik bagi penanamnya.

Menelusuri sejarah bonsai itu sendiri, ia sebenarnya wujud lebih kurang 2,000 tahun dulu dan popular sebagai seni menanam pokok dalam bekas atau *Pen Zai* dalam bahasa Mandarin. Ketika itu, hanya golongan elit menanam *Pen Zai* untuk dijadikan antara hadiah mewah.

Ketika zaman Tokugawa, seni *Pen Zai* mula berkembang ke Jepun dan mencetuskan perkembangan kepelbagaian teknik seni bonsai kepada tanaman komersil. Di Jepun, seni *Pen Zai* dikenali sebagai *Bon* dan *Sai* yang bermaksud pokok dalam bekas. Namun begitu, ada juga yang menyatakan bonsai bermaksud *kerdil*.

Bagi yang meminati pokok bonsai, penggemarnya harus mengetahui jenis pokok yang

Menanam bonsai memerlukan kemahiran dan kesabaran. Selain membentuk dan menjadikannya seponon bonsai yang menarik, peminatnya perlu menyiram dan membaja dengan tanah berdasarkan pH 1:1 dan memerlukan ketelitian penanam menjaga kesihatan akarnya.

Namun begitu, bagi yang berminat tetapi tiada bakat untuk membentuknya, bolehlah dapatkan bonsai yang sudah dibentuk dengan harga berpatutan. Kebiasaannya, harga bonsai bergantung kepada keunikan dan usianya. Menurut kata pakar, pokok bonsai yang cantik dan menarik perlu memenuhi tiga kriteria utama iaitu umur pokok yang tua, daun yang kecil dan pokok yang tahan lasak.

## Koleksi termahal

Walaupun seni bonsai lazimnya dikaitkan dengan masyarakat Cina, namun kini ia semakin mendapat perhatian masyarakat etnik lain terutamanya Melayu yang cintakan seni unik itu.

Kurator Muzium Alam Semula jadi, Presint 15, Putrajaya, Mohd Khairill Jemangin berkata, seni bonsai berjaya menarik masyarakat Melayu meminatinya kerana keunikan bonsai itu sendiri selain mampu mempamerkan daya kreativiti penggiatnya.

"Bagi yang menjadikan bonsai sebagai hobi, bonsai mampu mengasah dan mempertajamkan daya pemikiran

Nilai pokok bantut dilihat pada umur yang tua, daun yang kecil dan jenis yang tahan lasak



Bonsai jenis pokok ara atau nama saintifiknya *Ficus Microcarpa*.

bersama

Persatuan Seniman Bonsai Malaysia dan Sanfong Bonsai & Art Garden di Muzium Alam Semula Jadi di Presint 15, Putrajaya. Pameran yang berlangsung 15 Mac lalu hingga 15 April ini antara platform memperkenalkan bonsai kepada masyarakat.

Di sini, pengunjung disajikan pelbagai informasi berkaitan seni bonsai dan sejarahnya,

dimiliki Chen Chee Min. Dikenali dengan nama saintifiknya *Ficus Microcarpa* (pokok ara) dan *Wrightia Religiosa* (pokok melati / jeliti / santalia), Chee Min mengakui amat menyayangi koleksi bonsai berkenaan.

Chee yang juga Naib Presiden Persatuan Bonsai dan Suiseki Malaysia dan juga ahli Pertubuhan Juri Bonsai Malaysia, memberitahu, bonsai *Ficus Microcarpa* dibeli dari Taiwan pada 2004. Bonsai itu antara koleksi termahal dimilikinya dan berusia lebih 60 tahun dan telah diwarisi lebih tiga generasi.

Bagi bonsai *Wrightia Religiosa*, usianya sudah menjangkau 70 hingga 80 tahun dan beliau adalah pemilik ketiga bagi pokok yang dibeli daripada pemiliknya di Melaka.

"Pokok ini antara yang paling tua usianya. Dulu, saya pernah ditawarkan ratusan ribu ringgit oleh pembeli namun enggan menjualnya

Hadiah untuk cabutan  
pengunjung bertuah akan  
berlangsung 15 April ini.

harus ditanam. Kebiasaannya, pokok yang sering dibonsaikan dan diminati ialah *japanese cedar*, *japanese larch*, *japanese maple*, *chinese juniper*, *trident maple* dan *scot pine*. Pokok tempatan yang sesuai dijadikan bonsai ialah pokok melati, kesinai dan kemuning.

serta menjadikan seseorang itu kreatif, inovatif, tenang dan sabar," katanya.

Mohd Khairill berkata, peminat bonsai yang masih tercari-cari maklumat tepat berkenaan bonsai, mereka dialu-alukan untuk mengunjungi Pameran Keunikan Bonsai 2012 yang dijayakan

perkembangan bonsai tempatan dan antarabangsa. Turut disediakan maklumat mengenai gaya dan bentuk bonsai, jenis pokok dan fakta menarik mengenainya.

Pengunjung pastinya teruja menyaksikan dua bonsai unik berusia puluhan tahun

ringgit oleh pembeli namun enggan menjualnya kerana terlalu sayang," ujar Chee Min.

## Lelongan bonsai

Pengunjung turut berpeluang melihat pelbagai spesies bonsai lain seperti *Santalia*, *Buxus* dan *Ficus* yang jarang dipertontonkan secara umum. Malah, ada spesies yang mengeluarkan bunga serta berbau wangi.

"Pengunjung boleh menyertai aktiviti sampingan seperti pertandingan bonsai, kelas asas bonsai, klinik bonsai di samping berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah, iaitu pokok bonsai," katanya sambil menambah terdapat produk bonsai dijual di ruang legar muzium dengan tawaran menarik serta lelongan bonsai pada hari terakhir pameran.

Nurul Filzah Ayuni Rohaizad, 18, pengunjung, berkata mereka yang menanam bonsai dapat mempertajam daya pemikiran dan menjadikan seseorang itu kreatif dan inovatif.

"Menanam bonsai ada kalanya menguji kesabaran diri dan mencabar minda namun dek kerana minat semua itu diketepikan," katanya.

Adiknya, Nurul Fasohah Rohaizad berkata, ibunya adalah peminat bonsai dan sentiasa memastikan pokok itu tumbuh sihat dalam tempoh panjang. Dek minat ibunya itu, Nurul berhasrat ingin menanam bonsai dewasa nanti.



Antara jenis pokok bonsai yang dimiliki Chee Min.



Pelbagai keunikan rupa bentuk dan spesies bonsai dipamerkan.